

Kaum India Tanah Melayu dan Soal Kewarganegaraan, 1946-1958

Oleh

Anbalakan Kailasam

Latihan Ilmiah  
untuk memenuhi  
sebahagian daripada keperluan syarat-syarat  
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

Sidang Akademik 1987/88

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1988

## KANDUNGAN

Penghargaan	iii - iv
Pendahuluan	v - ix
Bab I : Keadaan Dan Sikap Kaum India, 1945-1946	1 - 17
Bab II : Pengenalan Malayan Union: Tindakbalas Kaum India.	18 - 32
Bab III : Penubuhan MIC Dan Pendiriannya Terhadap Soal Kewarganegaraan Kaum India	33 - 55
Bab IV : Dilema MIC: Golongan Yang Mana Harus Diwakili?	56 - 72
Bab V : V.T. Sambanthan Dan Soal Kewarganegaraan	73 - 90
Bab VI : Kesimpulan	91 - 97
Lampiran	98 - 122
Bibliografi	123 - 128

### Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah membantu saya menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Pertama sekali diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penelia saya, Dr. Abu Talib bin Ahmad, yang bersungguh-sungguh membimbing dan memberi sokongan dan galakan serta mendorong saya membuat kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. R. Suntharalingam, pensyarah Bahagian Sejarah, yang telah melapangkan masa untuk berbincang dan membantu saya menyelesaikan kemasukan yang timbul semasa menjalankan kajian ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah lain di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, yang telah membimbing saya melalui taklimat, kuliah dan tutorial.

Juga saya ingin merakamkan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan di Arkib Negara dan di Bahagian Kewarganegaraan, Jabatan Pendaftaran Negara, Kuala Lumpur yang telah memberikan kerjasama dan membantarkannya saya menggunakan bahan-bahan yang berkaitan, di jabatan masing-masing.

Terima kasih juga diucapkan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, yang telah membenarkan saya menggunakan buku-buku, jurnal-jurnal, tesis-tesis dan bahan-bahan berbentuk mikrofilem di dalam simpanannya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah melapangkan masa untuk bertemu bual serta memberikan beberapa maklumat yang baru dan berguna untuk kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini.

Anbalakan Kailasam  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
1988

### Pendahuluan

Kaum India adalah salah satu dari kaum yang terbesar di Malaysia. Mereka mempunyai hubungan sejarah dengan Tanah Melayu sejak beratus-ratus tahun dahulu. Walaupun begitu, golongan yang berada di Tanah Melayu pada masa ini sebenarnya adalah warisan pekerja-pekerja India yang dibawa masuk oleh Inggeris pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20.

Sejak kebelakangan ini, banyak kajian tentang Malaysia di penghujung abad ke 19 dan abad ke 20 telah diusahakan oleh para sejarawan. Malangnya di dalam kebanyakan karya-karya ini, peranan kaum India diketepikan sama sekali ataupun hanya disentuh sebagai perkara sampingan sahaja. Keadaan ini telah menimbulkan persoalan apakah kaum India tidak mempunyai peranan aktif di dalam perkembangan-perkembangan di Tanah Melayu pada tempoh tersebut?

Sebenarnya peranan kaum India memerlukan penilaian yang lebih mendalam dari yang telah dibuat setakat ini. Masalah di sini ialah kebanyakannya maklumat mengenai peranan kaum India tersirat dan tersurat di dalam akhbar-akhbar Tamil semasa. Akhbar-akhbar inilah dengan sifat telah mempamirkan tindakbalas dan perasaan kaum India pada waktu itu. Malangnya penulis-penulis sejarah Tanah Melayu tidak berminat atau tidak berupaya untuk menyelidiki akhbar-akhbar Tamil ini.

Dalam pada itu, selepas 1970 an karya-karya yang bertujuan mempamirkan peranan kaum India telah diterbitkan. Penulis-penulis ini telah mengambil berat untuk meneliti akhbar-akhbar Tamil masa itu.

Di antaranya ialah Indians In Malaysia And Singapore oleh S.Arasaratnam dan The Indian Minority And Political Change In Malaya 1945 - 1957 oleh A.Rajeswary.

Fokus utama kedua-dua karya ini ialah perkembangan politik di kalangan kaum India. Karya-karya ini dengan secara mendalam memberi gambaran yang jelas tentang peranan kaum India dalam perubahan-perubahan politik yang telah berlaku di Tanah Melayu sejak sebelum Perang Dunia kedua sehingga kemerdekaan. Di samping itu karya-karya ini juga menggambarkan perubahan-perubahan yang telah berlaku di kalangan kaum India sendiri dari segi politik. Karya-karya ini boleh dikatakan telah berjaya menunjukkan bahawa selepas Perang Dunia kedua tumpuan politik kaum India mula berkiblat kepada perkembangan-perkembangan di Tanah Melayu. Memang ini adalah suatu hakikat yang dipersetujui umum masa kini.

Walau bagaimanapun satu perkara yang memerlukan pertimbangan yang lebih mendalam ialah response kaum India terhadap kewarganegaraan Tanah Melayu yang disentuh oleh Arasaratnam dan Rajeswary hanya dengan sepintas lalu sahaja. Kedua-kedua penulis ini menggunakan isu kerakyatan Tanah Melayu untuk menjelaskan perkembangan politik dan penglibatan kaum India dalam perkembangan ini. Kajian tentang response dari masyarakat umum dan proses perubahan sikap yang telah berlaku di kalangan kaum India sama ada untuk menerima atau menolak kewarganegaraan Tanah Melayu tidak dikaji. Pada pengetahuan saya belum ada suatu kajian tentang perkara ini.

Keputusan untuk menerima atau menolak kewarganegaraan Tanah Melayu adalah satu perkara yang agak genting bagi kaum India waktu itu.

Sebilangan besar dari mereka dilahirkan di India dan ahli keluarga mereka juga masih berada di sana. Golongan orang-orang India yang lahir di Tanah Melayu juga mempunyai hubungan peribadi yang kuat dengan negeri India. Bagi mereka ini memperolehi kewarganegaraan Tanah Melayu bererti memutuskan nasionaliti negara India. Mereka bimbang ini akan memutuskan segala hubungan dengan negara India.

Dari segi ekonomi memang mereka mahu kekal bermastautin di Tanah Melayu tetapi tidak mahu memutuskan hubungan turun temurun dengan negara asal mereka. Perlu diingatkan bahawa ahli keluarga dan saudara mereka masih berada di India. Ini membuat golongan ini berada di dalam keadaan gelisah dan keliru.

Selepas satu tempoh keadaan dilema, golongan ini memutuskan untuk memperolehi kewarganegaraan Tanah Melayu. Tujuan saya dalam kajian ini adalah mengkaji response kaum India terhadap isu kewarganegaraan sejak ia diperkenalkan di Tanah Melayu pada 1946 hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Saya telah cuba mengkaji proses-proses perubahan dalam sikap kaum India dan faktor-faktor yang membawa perubahan ini.

Dalam kajian ini sumber utama yang digunakan ialah akhbar-akhbar Tamil semasa yang telah banyak menyumbang terhadap pembentukan sikap kaum India di Tanah Melayu, melalui berita-berita dan rencana-rencana khas. Pada waktu itu terdapat lebih dari sepuluh buah akhbar Tamil di Tanah Melayu. Kebanyakannya adalah keluaran mingguan ataupun bulanan yang hanya berminat untuk mengembangkan bahasa dan kesusastraan Tamil sahaja. Di antaranya terdapat tiga buah akhbar harian iaitu Tamil Nesan, Tamil Murasu dan Jananayakam. Ketiga-tiga

akbar ini tidak dimiliki ataupun memihak kepada mana-mana parti politik ataupun pemimpin. Mereka bertindak bebas tanpa sebarang tekanan dari pemimpin-pemimpin politik. Keadaan ini adalah agak berlainan dengan keadaan akbar-akbar Tamil masa kini. Pada masa sekarang setiap harian Tamil di Malaysia sama ada dimiliki atau memihak kepada mana-mana seorang pemimpin politik. Oleh yang demikian sesuatu akbar yang memihak kepada seseorang pemimpin itu sering menerima tekanan dari pemimpin atau penyokong-penyokong pemimpin yang lain dan ini biasanya mencetuskan perang pena di antara akbar-akbar ini.

Tamil Nesan, akbar yang tertua sekali di Tanah Melayu, dimiliki oleh golongan kaum cetti. Selaras dengan pemikiran dan pendirian pemiliknya akbar ini tidak begitu berminat terhadap perkembangan-perkembangan di Tanah Melayu. Oleh yang demikian sumbangannya terhadap pembentukan sikap kaum India adalah agak terhad.

Tamil Murasu pula diterbitkan di Singapura oleh G.Sarangapany, seorang pejuang bangsa dan bahasa Tamil. Beliaulah tokoh utama yang bertungkus lumus untuk mengasaskan bahagian Pengajian India di Universiti Malaya. Beliau telah menggunakan akbar ini sepenuh-penuhnya untuk membawa perubahan di dalam sikap orang-orang Tamil di Tanah Melayu dan Singapura. Beliau juga telah mengasaskan 'Manavar Mani Mandram' (Kelab Bell Pelajar) untuk memobilasikan tenaga pelajar-pelajar sekolah Tamil. Suatu halaman dalam akbaranya dikhaskan bagi karya-karya dari ahli-ahli kelab ini. Kelab pelajar inilah kemudian menjelma menjadi 'Ilainyar Mani Mandram' (Kelab Bell Belia) yang masih bergeriat dalam aktiviti-aktiviti sosial sehingga hari ini.

Jananayakam yang mulakan terbitannya pada 1945 hanya dikeluarkan untuk selama lima tahun sahaja. A.Rajeswary menyatakan bahawa akhbar ini lebih condong kepada fahaman Parti Komunis Malaya.<sup>+</sup> Tetapi selepas meneliti setiap keluaran akhbar ini di antara 1946 dan 1950, saya masih tidak faham mengapa Rajeswary membuat kesimpulan ini. Selain dari menerbitkan suatu siri rencana tentang penjelasan Gagasan Malayan Union, yang telah ditulis oleh seorang ahli PKM, akhbar ini tidak melakukan apa-apa untuk menyebarkan komunisme. Sebaliknya sumbangaan akhbar ini dalam pembentukan sikap kaum India di Tanah Melayu adalah sangat besar. Akhbar inilah sejak awal-awal lagi, iaitu pada 1947, telah menasihatkan kaum India supaya jangan terlalu banyak bergantung kepada negara India untuk kebajikan diri mereka di Tanah Melayu. Ia menyuruh kaum India supaya mendaftar diri sebagai warganegara Tanah Melayu demi menjamin dan menjaga masa depan mereka di Tanah Melayu.

Di samping akhbar-akhbar ini saya juga telah merujuk kepada beberapa buah buku sejarah Tanah Melayu dan telah bertemu bual dengan beberapa orang yang terlibat dalam perkembangan-perkembangan yang berlaku pada waktu itu. Satu perkara yang saya ingin menjelaskan di sini ialah bahawa saya terpaksa menggunakan sumber-sumber kedua sebagai rujukan utama kerana kekurangan sumber asal bagi kajian ini. Walaupun demikian saya berharap perkara itu tidak menjejaskan keutuhan kajian ini.

---

+ Sila lihat A.Rajeswary, The Indian Minority And Political Change In Malaya 1945 -1957, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, mm. 36, 54 & 78.